

# PRN SARAWAK

## MENCARI MANDAT DEMI KESEJAHTERAAN RAKYAT

Tidak pernah terbayang sebelum ini, seorang Ketua Menteri Sarawak membuka pintu pejabatnya untuk pemimpin parti pembangkang, Tan Sri Adenan Satem melakukannya kerana menganggap bahawa mereka juga rakyat negara ini dan mereka dipilih oleh rakyat secara sah.

JENIRI AMIR

Penganalisis Politik Universiti Malaysia Sarawak



**T**INDAKAN tersebut membuktikan bahawa Tan Sri Adenan mempunyai jiwa yang besar dan kemanusiaan yang mendalam, serta beliau mengerti betapa semua itu tidak harus dilihat dari perspektif politik. Beliau mengakui bahawa pertembungan atau konflik politik antara parti pembangkang dengan pemerintah tidak seharusnya berlaku sepanjang masa. Dalam satu temu bual melalui TV1 sempena 100 hari menjadi ketua menteri, Tan Sri Adenan menyatakan: "Janganlah kita menjadikan mereka (pembangkang) musuh dan langsung tidak mendengar apa-apa yang dicakapkan (pendapat) kerana tidak rugi kita mendengar hujah mereka."

Sejak menjadi ketua menteri, Tan Sri Adenan melaksanakan 50 keputusan dan prinsip dengan tujuan untuk menyejahterakan kehidupan rakyat dan meringankan beban mereka. Antaranya termasuklah penurunan kadar elektrik, penghapusan beberapa tol, penyeragaman tambang feri kepada hanya RM1, komitmen serta ketegasan dalam memerangi kegiatan pembalakan haram, dan pengurangan tarif elektrik. Ketua Menteri kelima Sarawak itu juga menghapuskan tol dan cukai pintu/tanah, menaikkan kadar bantuan untuk golongan yang menerima bantuan kebajikan,

membanteras pendatang asing tanpa izin, menangani kes kecurian ikan nelayan tempatan, bertegas dalam tuntutan kenaikan royalti minyak daripada kerajaan persekutuan, dan menuntun lebih pemerksaan dalam beberapa bidang untuk jabatan negeri.

Tidak hairanlah Tan Sri Adenan mendapat dukungan kuat daripada rakyat Sarawak. Dalam tinjauan *Merdeka Center* menjelang ulang tahun pertama pemerintahannya, didapati sokongan terhadap beliau mencecah 74 peratus – satu angka yang cukup tinggi. Dalam kalangan kaum bumiputera Islam, sokongan mencatat 82 peratus, bukan bumiputera Islam mencatat 74 peratus, dan Cina sebanyak 67 peratus.

Meskipun berwatakan Tan Sri Adenan dari segi luaran kelihatan serius, beliau orang yang jujur. Tentang dirinya yang tidak mudah tersenyum, Adenan sering berkata, "Orang kata muka saya muram saja, tak pandai senyum. Itu saja muka yang diberikan Tuhan kepada saya. Namun begitu, setidak-tidaknya, saya tidak bermuka-muka," ujar Tan Sri Adenan. Penjelasan itu seolah-olah menyatakan bahawa jangan menilai buku daripada kulitnya, tetapi nilailah daripada isinya.

Dikenali sebagai orang yang tegas, berani, pintar, dan tidak peduli dengan apa-apa yang dikatakan orang, Tan Sri Adenan bersedia mengubah dan meminda dasar yang menguntungkan rakyat. Beliau berjanji hanya untuk menjadi ketua menteri bagi tempoh sepenggal sahaja lagi bagi membolehkannya meneruskan agenda pembangunan untuk Sarawak. Kata beliau, "Berilah saya lima tahun sahaja lagi. Apabila berakhir tempoh lima tahun itu, saya akan berusia 76 tahun. Saya tidak mahu meneruskannya lagi. Berilah mandat kepada saya pada pilihan raya negeri (PRN) akan datang supaya saya dapat menerajui Sarawak selama lima tahun lagi untuk mencapai semua itu."

Adakah populariti Tan Sri Adenan diterjemahkan dalam bentuk undi, terutama dalam kalangan pengundi Cina? Kajian Majlis Profesor Negara (MPN) yang dipimpin oleh penulis, di Sarawak pada Oktober lalu, mendapati hanya 47.5 peratus daripada pengundi percaya bahawa masyarakat

Cina kembali mengundi Barisan Nasional (BN) kerana dasar pro-Cina Tan Sri Adenan. Didapati juga sebanyak 60.5 peratus pengundi Cina akan terus mengundi Parti Tindakan Demokratik (DAP), di balik rendahnya tanggapan mereka terhadap projek "Impian Sarawak", apabila hanya 47.8 peratus mengatakan bahawa projek tersebut tidak akan berjaya mempengaruhi pengundi di luar bandar. Sebanyak 56.1 peratus pengundi pula percaya bahawa pengaruh pembangkang semakin kuat dalam PRN akan datang dan di balik kepercayaan bahawa sebanyak 48.9 peratus pengundi percaya bahawa parti pembangkang berperanan membela nasib rakyat Sarawak.

Tan Sri Adenan mengambil tindakan pro-Cina dengan menyalurkan peruntukan sebanyak RM12 juta kepada sekolah persendirian Cina, mengiktiraf Sijil Peperiksaan Bersekutu (UEC), memberikan peluang kepada lulusan UEC untuk bekerja di sektor awam Sarawak, dan tidak menganggap Cina sebagai "pendatang". Terdapat kemerosotan yang ketara dari segi sokongan dalam kalangan pengundi Cina di Sarawak pada tahun 2011 apabila hanya sekitar 37 peratus yang menyokong BN, penurunan sebanyak 12 peratus berbanding dalam pilihan raya umum (PRU) 2008.

Iltilaz Tan Sri Adenan untuk menyalurkan lebih banyak peruntukan ke luar bandar sudah pasti dapat merapatkan jurang antara bandar dengan luar bandar. Dalam Belanjawan Negeri Sarawak 2015, beliau memperuntukkan sebanyak RM500 juta untuk pembangunan di luar bandar. Luar bandar sebagai kawasan yang masih mundur dan memerlukan keperluan asas dari segi bekalan elektrik, air bersih, klinik, jalan raya, dan sekolah. Hal ini sudah tentulah memerlukan komitmen dan keberanian politik untuk benar-benar mentransformasikannya. Jika tidak, rakyat di luar bandar yang menjadi penyokong kuat kerajaan selama ini akan terus berasa dipinggirkan. Mereka berhak dibela dan dibela olehnya hanya dimungkinkan oleh kepemimpinan tertinggi dengan kerjasama wakil rakyat di kawasan terlibat.

Komitmen Tan Sri Adenan untuk membanteras gejala pembalakan haram sekali lagi memperlihatkan bahawa beliau tidak mahu Sarawak mengalami kerugian yang mencecah ratusan juta ringgit setahun kerana kegiatan haram hanyalah menguntungkan pihak tertentu. Untuk itu, kelengkapan yang bersesuaian kepada pegawai perhutanan dan tindakan keras terhadap pegawai perhutanan yang bersekolong turut mendapat perhatian Tan Sri Adenan. Persoalannya, mengapakah kejadian yang menjadi rahsia umum selama ini dibiarkan untuk tempoh puluhan tahun, iaitu ketika Sarawak sudah hampir ketiadaan kawasan balak?

Tan Sri Adenan mendedahkan cara pegawai jabatan terbahit terjerumus dalam rasuah. "Mereka ada mata, buta, ada telinga bengal, ada lidah bisu, kerana sudah disuap," katanya. Lantaran itu, beliau memanggil lebih daripada 500 orang kakitangan jabatan terbahit untuk mendengar taklimat daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia.

Beliau menyatakan segelintir pegawai takut terkena "polong", oleh itu Tan Sri Adenan memberitahu pegawai terbahit agar maklumkan pihak yang mengancam mereka bahawa yang memberikan arahan ialah Ketua Menteri. "Kalau nak polong, polongkan Ketua Menteri," katanya dalam temu bual dengan TV1.

Sejak mengambil alih kuasa, Tan Sri Adenan bertindak tegas terhadap aktiviti pembalakan haram. Rakyat bertanya, mengapakah menunggu Tan Sri Adenan untuk menyelesaikannya? Tidak sedarkah pemimpin politik kita bahawa kegiatan tersebut berlaku sejak 40 tahun lalu? Sarawak kerugian bukan ratusan juta, tetapi berbilion-bilion ringgit. Namun begitu, Tan Sri Adenan mengakui bahawa tidak terlalu lambat baginya untuk bertindak, dan hasilnya hampir pada setiap minggu akan ada sahaja mereka yang terlibat ditangkap oleh pihak jabatan hutan. "Mereka ambil balak, macam nenek mereka yang punya," katanya. Sebanyak 36 buah kilang papan haram turut ditutup ekoran kerana tindakan tegas beliau.

Selain itu, Tan Sri Adenan juga meminta kerajaan persekutuan memberikan kuasa autonomi kepada Sarawak. Tidak dinafikan bahawa sentimen nasionalisme negeri yang dimainkan oleh beliau mendapat respons yang positif daripada rakyat. Buktinya, sekitar 74 peratus bersetuju bahawa 22 Julai disyitiharkan hari kemerdekaan dan cuti umum di Sarawak. Jika hal itu berlaku, mungkin Sarawak merupakan satu-satu negeri di dunia yang mempunyai tiga hari cuti umum untuk tujuan yang sama, iaitu 31 Ogos, 22 Julai, dan 16 September.

Sementara itu, sentimen Sarawak untuk orang Sarawak juga agak jelas dan membara sekarang. Oleh itu, Ketua Menteri berpendirian bahawa sudah tiba masanya kerajaan persekutuan mengiktiraf kuasa autonomi Sarawak dengan membenarkan kuasa membuat keputusan sendiri. Persoalannya, autonomi yang bagaimana yang dituntut oleh pemimpin politik Sabah dan Sarawak? Adakah autonomi sepenuhnya atau autonomi separa? Tentu yang dimaksudkan bukan autonomi mutlak yang berkonotasi pemisahan daripada Malaysia. Sebaliknya, penurunan kuasa yang lebih banyak kepada dua buah negeri yang terlibat, khususnya dalam bidang tertentu, bagi mengurangkan cekikan kerehnan birokrasi. Hal ini dikatakan demikian kerana kerehnan birokrasi didapati banyak mendatangkan kesan negatif sehingga menimbulkan kekecewaan dalam kalangan rakyat dan pemimpin. Oleh itu, memang tepat pada masanya Jajual 9 dalam Perlembagaan Persekutuan, terutama berkaitan tentang bidang kuasa kedua-dua kerajaan, disemak semula.

Kerajaan persekutuan perlu mempertimbangkan pemberian kuasa pentadbiran kepada Sarawak. Yang berlaku sekarang, Sarawak kurang diberi kebebasan untuk membuat keputusan. Keputusan untuk pelbagai perkara pula perlu melalui banyak kerehnan birokrasi sebelum diluluskan pada peringkat persekutuan, dan seterusnya dilaksanakan pada

peringkat negeri. Sistem kerajaan persekutuan yang sedia ada tidak diterima baik di Sabah dan Sarawak yang sepatutnya menikmati tahap autonomi tertentu.

Apa-apa yang dituntut lebih kepada autonomi pentadbiran dan pengurusan bagi melancarkan dan meningkatkan sistem penyampaian agar lebih berkesan. Dalam keadaan sekarang, terdapat masalah pertindihan kuasa sehingga menjejaskan pelaksanaan projek pembangunan. Penyaluran peruntukan daripada kerajaan persekutuan juga kadangkala lambat. Hal ini sudah tentu memberikan implikasi yang besar terhadap sistem penyampaian. Sistem yang ketinggalan memang perlu dinilai semula dan diubah, lebih-lebih lagi, kini rakyat mahu janji ditepati dan Perjanjian 18/20 Perka dikotakan.

Putrajaya perlu peka dengan masalah dan aspirasi rakyat dan pemimpin Sarawak. Kuasa pentadbiran yang lebih banyak diturunkan kepada kerajaan negeri pasti mempercepat pembangunan, mengelak pembaziran dan kelewatan. Rakyat sudah tidak sabar untuk menikmati kemudahan asas dan mahu janji segera ditepati. Sudah tiba masanya bagi kerajaan menggunakan pendekatan dan kearifan tempatan kerana mereka lebih mampu melakukannya.

Dalam tempoh lebih 50 tahun lalu, banyak hak Sarawak terhakis. "Kita tuntut sesuai dengan perlembagaan. Tidak ada kaitan dengan isu hendak keluar Malaysia. Hal itu tindakan bodoh," kata Tan Sri Adenan. Beliau mengingatkan rakyat Sarawak tentang pihak yang akan menanggung perbelanjaan keselamatan, pendidikan, kesihatan, dan pertahanan jika Sarawak keluar daripada Malaysia. Beliau menguak bahawa proses rundingan dengan kerajaan persekutuan berjalan lancar kerana beliau mempunyai hubungan yang baik dengan perdana menteri.

"Hubungan dengan perdana menteri begitu mesra. Saya sudah kenal beliau sejak beliau berumur 20 tahun. Senang berunding dengan perdana menteri. Jika ada masalah atau perkara yang hendak diselesaikan, angkat telefon sahaja, selesai. Hubungan yang baik penting untuk menyelesaikan masalah," katanya dalam temu bual TV1, pada Februari lalu.

Ketua Menteri juga menuntut kenaikan royalti minyak daripada lima peratus kepada 20 peratus. Beliau enggan mengangkat bendera putih dalam rundingan berkaitan dengan kerajaan persekutuan dan Petronas. Disebabkan oleh kesungguhan tersebut, Petronas kini menyalurkan sekitar RM1.2 bilion nilai projek kepada syarikat minyak dan gas di Sarawak. Tan Sri Adenan mengambil pendirian bahawa "belum dapat, belum berhenti". Rundingan akan diteruskan, selagi belum berhasil. Ternyata beliau tidak meneruskan agendanya, dan sedar bahawa rakyat Sarawak berdiri di belakangnya dalam tuntutan tersebut. Royalti minyak yang bertambah sudah tentu baik untuk rakyat. Sebanyak 68.3 peratus rakyat Sarawak bersetuju bahawa Tan Sri Adenan meneruskan tuntutan kenaikan royalti minyak.

Selama lebih empat dekad, Sabah dan Sarawak menikmati bukan sedikit pendapatan hasil royalti minyak sehingga pelbagai projek pembangunan mampu dilaksanakan. Tidak hairanlah, isu royalti sentiasa memancing perhatian pemimpin politik. Satu detik bersejarah tercapai di Dewan Undangan Negeri (DUN) Sarawak, pada tahun 2014, apabila pemimpin kerajaan dan pembangkang meluluskan usul memohon kerajaan persekutuan menaikkan royalti minyak dan gas. Sarawak kini menerima RM1.6 bilion setahun daripada kadar royalti sebanyak lima peratus dan jika usul berkenaan dipersetujui kerajaan persekutuan, Sarawak dijangka menerima jumlah yang lebih besar.

Meskipun tidak dinafikan, pada amnya rakyat menerima baik dan memberikan tindak balas yang positif terhadap kebanyakan keputusan dan langkah yang diambil oleh beliau, ada juga pihak yang menyetujui rasa kurang senang apabila beliau mengisytiharkan bahasa Inggeris sebagai satu daripada bahasa rasmi di Sarawak. Dalam kalangan aktivis bahasa Melayu, mereka berasa kesal dengan tindakan tersebut kerana dianggap keputusan tersebut dapat menjejaskan kedudukan bahasa rasmi berkenaan.

Dengan tindakan pragmatik yang diambil oleh Tan Sri Adenan, persoalannya, mampukah tindakan tersebut mengubah pola pengundian pengundi dan masyarakat Cina di Sarawak dalam PRN ke-11 nanti? Atau, adakah mereka kekal menyokong DAP?

Pada 2011, BN memenangi 55 daripada 71 kerusi DUN. DAP yang bertanding di 15 kerusi majoriti Cina, berjaya menawan 12 daripadanya. Sementara itu, Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP), yang bertanding di 19 kerusi, kecundang di 16 kerusi. Parti tertua Sarawak yang mewakili kaum Cina itu hanya berjaya memenangi kerusi majoriti bumphutera. Di kerusi Senadin, SUPP hanya menang dengan majoriti 58 undi. Parti Demokratik Progresif Sarawak (SPDP) memenangi enam daripada lapan kerusi, dan Parti Rakyat Sarawak (PRS) tewas di satu daripada sembilan kerusi yang ditandinginya. BN meraih 55 peratus undi popular, pembangkang serta calon Bebas masing-masing mencatat sebanyak 45 peratus undi popular.

Dalam hal ini, mampukah SUPP merampas balik kerusi majoriti Cina di bandar? Dari segi pembangkang dan kepembangkangan, sebanyak 65.8 peratus kaum Cina dijangka akan terus mengundi DAP.

Meskipun Tan Sri Adenan cuba menyelesaikan isu yang sering menjadi perhitungan bagi pengundi Cina, yang menjadi masalah termasuklah selagi terdapat masalah yang memabitkan pergeseran antara SUPP dengan Parti Rakyat Bersatu (UPP), dibimbangkan tidak akan berlaku banyak perubahan dari segi pola pengundian pada PRN ke-11. Masalah ini perlu terlebih dahulu dtangani dengan bijaksana dan berkesan melalui formula terbaik, iaitu bercorak menang-menang. Maka Tan Sri Adenan meminta kedua-dua pihak segera menyelesaikan pertelingkahan bagi memastikan kemenangan berpihak kepada BN. SUPP berkeras tidak mahu

melepaskan mana-mana kerusi terbabit kepada UPP, manakala UPP pula memberikan alasan bahawa kerusi yang kini berada dalam genggaman perlu diserahkan kepada UPP kerana mereka penyandanginya.

Namun begitu, selagi konflik tersebut masih berlarutan, dengan kedua-dua pihak saling melancarkan kritikan, selagi itulah masyarakat Cina muak dengan sikap mereka. Jika soal pengagihan kerusi memabitkan kepentingan kedua-dua parti tersebut tidak diselesaikan, hal tersebut akan terus menjadi hambatan besar. Yang mengaut keuntungan dalam keadaan kedua-duanya bertelagah, sudah tentu DAP.

Kemenangan DAP di kerusi majoriti Cina dalam PRN 2011 berpunca daripada kekecewaan mereka terhadap kepemimpinan negeri dan SUPP, serta keinginan untuk menyaksikan perubahan. Sama ada DAP dapat terus mengekalkan momentum yang dilakarkannya atau tidak, banyak bergantung pada sejauh mananya pemimpin UPP dan SUPP dapat berkompromi. Jika tidak, besar kemungkinan BN akan menampilkan calon langsung yang mampu menang. Apabila menang selepas 30 April, mereka akan diberi pilihan untuk menentukan parti yang akan dianggotai.

Jika mereka berkeras, kedua-duanya akan menerima padah. Bagi pengundi Cina, mereka mahu kepentingan mereka dilindungi parti terbabit. Lagipun mereka mahu wujudnya kuasa semak dan imbang di DUN bagi tujuan semak dan imbang terhadap dasar kerajaan agar tidak berlaku penyelewengan dan salah guna kuasa. Bagi kerajaan pula, mereka mahu wakil daripada kaum Cina dalam kerajaan. Disebabkan kekalahan teruk pada tahun 2011, masyarakat Cina kehilangan jawatan timbalan ketua menteri. Kaum Cina tidak boleh selama-lamanya berada sekadar di pinggir dan hanya berada pada pihak pembangkang.

Selepas PRN lalu, DAP cuba memperluas pengaruhnya ke kawasan luar bandar dan separa bandar melalui projek "Impian Sarawak" yang lebih bersifat simbolik politik. DAP membina beberapa projek kecil dan membantu penduduk luar bandar dengan seadanya. Pada PRN akan datang, parti tersebut turut berhasrat bertanding di 35 kerusi bertanding dengan PAS sebanyak 11 kerusi, dan PKR dengan 45 kerusi. Sementara itu, Parti Amanah Negara dijangka turut mencuba nasib. Begitu pun, PAS dan Amanah tidak mempunyai peluang langsung untuk menang kerana imej negatif dan jentera akar umbinya yang lemah apatah lagi mereka akan bertanding di kerusi PBB yang terkenal sebagai kawasan penyokong tegar BN.

Sokongan terhadap DAP hanya akan diberikan mereka yang antikerajaan di kawasan bandar. Bagi sebahagian pengundi Cina, mereka tidak rugi apa-apa jika terus menyokong DAP. Inilah realiti yang perlu dihadapi BN. Namun begitu, berdasarkan pendirian pengundi terhadap UPP dan SPDP, Tan Sri Adenan perlu membuat keputusan yang tepat dan bijaksana. Dalam isu tersebut, beliau menguak bahawa terdapat pemimpin politik yang degil dan enggan berkompromi. "Kata dia, kata dia juga. Namun begitu, akhirnya

saya sendiri dan perdana menteri yang akan buat keputusan. Takkan BN nak benarkan dua atau tiga orang bertanding di satu kawasan. Mereka boleh kata apa-apa yang mereka hendak kata, tetapi saya yang akan buat keputusan akhir," tegasnya.

Hanya sebanyak 33.6 peratus daripada pengundi bersetuju bahawa kedua-dua parti serpihan – UPP dan Teras diterima menyertai BN. Hal ini selari dengan prinsip BN bahawa perlu ada persetujuan sebulat suara sebelum parti baharu boleh diterima menyertai BN. Namun begitu, jika isu tersebut gagal diatasi, maka akan berlaku pertembungan sesama sendiri.

### Siapa Pilihan Pengundi?

Apakah yang menjadi asas apabila pengundi membuat keputusan untuk mengundi dalam PRN nanti? Sebanyak 65.2 peratus menyatakan bahawa mereka memilih calon berbanding hanya 34.8 memilih parti. Oleh itu, kesetiaan kepada parti semakin berkurangan. Bagi pengundi, calon mesra rakyat dan mampu memperjuangkan nasib dan kepentingan rakyat menjadi keutamaan mereka. Dari segi isu pula, pembangkang dijangka memainkan isu nasional di kawasan bandar, serta isu kurangnya pembangunan di kawasan luar bandar. Sebaliknya, BN pula menggunakan isu ketidakmampuan pembangkang membawa pembangunan, perpecahan pembangkang, isu hudud, dan banyak lagi. Isu utama tentunya yang berkaitan dengan Cukai Barang dan Perkhidmatan, dan peningkatan kos sara hidup, serta IMDB.

Bagaimanakah harapan BN untuk memenangi PRN akan datang? Dengan adanya 11 kerusi baharu, kedudukan BN dijangka bertambah kukuh. BN dijangka memenangi sekurang-kurangnya 70 daripada 82 kerusi, dengan undi popular dijangka turut meningkat kepada 60 peratus berbanding dengan 55 peratus pada tahun 2011.

Pada hakikatnya, dengan kepemimpinan Tan Sri Adenan yang popular dan banyak kelebihan yang memihak kepada BN, termasuk kekuatan jentera akar umbi, kesetiaan penyokong kepada BN, keupayaan BN membawa pembangunan, rekod prestasi Tan Sri Adenan yang tidak diragui, dan pengaruh media massa, lebih sukar untuk pembangkang menambahkan jumlah kerusi.

Kedudukan pembangkang pada masa ini tidak semantap seperti yang berlaku pada tahun 2011. Hal ini dikatakan demikian kerana tidak wujud lagi Pakatan Rakyat. Pakatan tersebut tidak lagi dapat menjalin kerjasama dan isu berkaitan dengan pengagihan kerusi masih lagi belum diselesaikan antara DAP, PKR dan PAS. PRN akan datang bakal memberikan mandat kepada Tan Sri Adenan untuk terus melonjakkan Sarawak ke hadapan dalam pembangunan, merapatkan jurang perbezaan bandar, luar bandar, dan antara Sarawak dengan Semenanjung, menghapuskan kemiskinan, serta memungkinkannya Sarawak berdiri sama tinggi dengan negeri maju lain di Malaysia. 